

Bukti pembunuhan



Kronologi kes

Mukadimah

Maznah Ismail lebih dikenali sebagai Mona Fandey, seorang penyanyi pop 1980an, bomoh ilmu hitam dan pembunuh. Mona Fandey mati di tali gantung pada usia 45 tahun setelah didapati bersalah membunuh ahli politik, Datuk Mazlan Idris pada 1993.



Gambar sumber Internet: Mona Fandey, Mohd Affandi, Juraimi Husin.

Kronologi minggu ini, mengimbas perbicaraan kes Mona Fandey yang menggemparkan kerana ngeri dan kejam.

Pada 1993, negara dikejutkan dengan berita pihak polis menjumpai mayat Mazlan yang dipancung dan dikerat 18 bahagian, tertanam di sebuah pondok di Ulu Dong, Pahang.

Mazlan dilaporkan hilang oleh ahli keluarganya pada 2 Julai 1993.

Tidak berapa lama kemudian polis menangkap Juraimi, Mohd Affandi dan Mona, atas dakwaan membunuh Mazlan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Perbicaraan berlangsung di Mahkamah Tinggi, Temerloh selama 69 hari, didengar Hakim Datuk Mokhtar Sidin, bersama tujuh juri bermula 12 September 1994.

Mona, 38, Mohd Affandi Abdul Rahman, 37, dan Juraimi, 24, dituduh membunuh Mazlan antara jam 11 malam 2 Julai dan 9.30 malam 13 Julai 1993.

Kes ini mempunyai sejarah tersendiri setelah menjadi perbicaraan terakhir menggunakan khidmat juri di Malaysia.

Difahamkan, seramai 70 saksi pendakwaan memberi keterangan manakala kira-kira 295 barang kes, seperti senjata dan barang kemas, dikemukakan.

Pihak pendakwaan mengemukakan be-

- (ii) Kematian mangsa disebabkan kepala nya dipancung dengan menggunakan kapak dijumpai dalam pondok tersebut;
- (iii) Pada 2 Julai 1993, Mazlan keluaran RM 300,000 daripada akaun banknya;
- (iv) Si mati dilihat kali terakhir dalam keretanya bersama Mohd Affandi (tertuduh kedua) dan keretanya menuju ke arah pondok di Ulu Dong;
- (v) Pada jam 1 pagi 3 Julai, 1993 seorang saksi melihat kereta milik Mazlan meninggalkan pondok tersebut. Pada jam 3 pagi hari Mohd Affandi menyewa bilik di Plaza Hotel, Kuala Lumpur.
- (vi) Antara 3 dan 18 Julai 1993, Mohd Affandi dan Mona berbelanja lebih dari RM200,000. RM160,000 dibelanjakan pada pagi 3 Julai 1993 untuk pelbagai perbelanjaan dan dibuat dengan menggunakan wang kertas RM1,000 iaitu serupa dengan denominasi wang kertas dikeluarkan Mazlan.
- (vii) Mohd Affandi bersama Mazlan sebaik

- bagi tujuan penjualan kereta kepunyaan Mazlan.
 - (x) Jam tangan Mazlan berada dalam simpanan Mona dan dia memberikannya kepada abangnya pada 5 Julai 1993;
 - (xi) Mayat Mazlan ditanam dalam lubang besar sebaik sahaja dibunuh. Kemungkinan besar lubang itu digali lebih awal dan perkara ini mengesahkan dakwaan pihak pendakwaan bahawa mereka merancang pembunuhan Mazlan lebih awal.
 - (xii) Juraimi (tertuduh pertama) mengaku menyembunyikan kapak digunakan dalam jenayah ini dan membakar sarung dan seluar kepunyaan Mazlan;
- Kesemua keterangan berikut mendorong Mahkamah Tinggi membuat kesimpulan, mereka membunuh Mazlan mengikut satu perancangan lebih awal lagi.

- **2 Julai 1993:** Datuk Mazlan Idris dilaporkan hilang.
- **13 Julai 1993:** Juraimi ditahan di Balai Polis Dong atas kesalahan dadah.
- **18 Julai 1993:** Selepas dua minggu tiada khabar Mazlan, UMNO Bahagian Raub membuat laporan polis di Balai Polis Raub.
- **19 Julai 1993:** Polis mula siasat kehilangan Mazlan. Juraimi dibawa polis ke rumah di Ulu Dong dan polis jumpa pita video, album gambar, keratan akhbar dan sijil saham milik Mazlan.
- **20 Julai 1993:** Mona dan Mohd Affandi ditahan di sebuah kediaman di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.
- **21 Julai 1993:** Mohd Affandi dibawa ke Balai Polis Raub.
- **22 Julai 1993:** Mayat Mazlan dikerat 18 bahagian dijumpai dalam stor sebuah rumah di Kampung Pamah Dong, Ulu Dong, Raub Pahang.
- **10 Ogos 1993:** Polis tahan reman Mona, Mohd Affandi dan Juraimi hingga 16 Ogos untuk siasatan kes pembunuhan seorang wanita, Fatimah Mohamad, 32.
- **15 Ogos 1993:** Polis jumpa beberapa anggota manusia ditanam di kawasan bekas rumah pernah didiami Mona dan Mohd Affandi di Kampung Nelayan, Teluk Gong, Klang.
- **17 Ogos 1993:** Mona, Mohd Affandi dan Juraimi ditahan di Penjara Pudu dan Kajang.
- **26 Oktober 1993:** Kes dihadapkan ke Mahkamah Majistret Raub.
- **18 Disember 1993:** Mahkamah Majistret Raub perintah kes pindah ke Mahkamah Tinggi Temerloh.
- **12 September 1994:** Perbicaraan hari pertama Juraimi, Mohd Affandi dan Mona atas tuduhan membunuh Mazlan.
- **9 Februari 1995:** Mona, Mohd Affandi dan Juraimi didapati bersalah dan dijatuhi hukuman gantung sampai mati.
- **10 Februari 1995:** Mereka dibawa ke Penjara Kajang.
- **Antara 1995 dan 1997:** Proses rayuan Mona, Mohd Affandi dan Juraimi.
- **1999:** Mahkamah Persekutuan menolak rayuan mereka.
- **2 November 2001:** Mona, Mohd Affandi dan Juraimi digantung serentak di Penjara Kajang.

berapa keterangan mengikut keadaan (circumstantial evidence) dan berdasarkan kepada keterangan mengikut keadaan itu, Mahkamah Tinggi membuat kesimpulan bahawa mereka membunuh Mazlan.

Berikut adalah keterangan bukti kesalahan mereka:

(i) Mayat Mazlan dijumpai dalam pondok di Ulu Dong yang didiami oleh mereka;

Mohd Affandi bersama Mazlan sahaja mangsa mengeluarkan wangnya dan dia orang terakhir bersamanya sebelum hilang;

(viii) Mohd Affandi dan Mona berada dalam keadaan kesulitan kewangan sebelum 3 Julai 1993;

(ix) Kad pengenalan Mazlan berada dalam pegangan Mohd Affandi dan dia menyerahkan kepada seorang saksi

Di sebalik cakap mulut

- * Benarkah Mona Fandey berketurunan raja, pandai menari ballet dan usahawan.
- * Benarkah sebagai pengamal ilmu kebatinan, Mona ada menghasilkan produk perubatan tradisional dinamakan atas namanya 'Mona Fandey'.
- * Benarkah ilmu Mona luar biasa hingga boleh memukau, terbang, bertukar rupa dan boleh hidup tanpa makan.
- Benarkah Mona sungguh kaya dan memiliki banyak kereta mewah seperti Mercedes Benze, BMW, Honda Prelude.
- Benarkah Mona membeli sebuah pulau berhampiran Pulau Langkawi, Phuket dan Pattaya, dengan harga RM 5.8 juta pada 1990 untuk dijadikan kasino.
- Benarkah Mona artis pertama Malaysia memiliki sebuah pulau persendirian seluas 4,800 hektar.
- Benarkah Mona membuat pembedahan plastik pada tubuhnya untuk cantik.

Siapa Mona Fandey?

Seperti wanita lain Mona berasal dari Perlis mempunyai impian dan salah satunya menjadi penyanyi. Dia memulakan langkah dengan menjadi penyanyi pop dan nama Mona Fandey itu konon untuk meningkatkan populariti.

Mona muncul dengan satu album berjudul Diana 1 pada 1987 dan membuat penampilan di televisyen. Album sembilan lagu itu diterbitkan syarikatnya MFJ Productions Sdn Bhd. Difahamkan dia juga bekas penari ballet (sewaktu muda).

Mona suka menonjolkan diri dengan keterampilan berpakaian kemas bermacam fesyen dan difahamkan dia wanita yang mempunyai cita rasa tinggi terhadap kemewahan.

Selama hadir ke perbincangan, Mona sentiasa tersenyum dan mengenakan baju berwarna terang serta bersolek. Walaupun selepas dijatuhkan hukum gantung sampai mati, Mona dikatakan tetap senyum.

Mahkamah Persekutuan menolak rayuan Mona, suaminya dan Juraimi pada 1999. Rayuan mereka kepada Lembaga Jumaah Pengampunan Negeri Pahang juga ditolak dan mereka dihukum gantung hingga mati dari 6 hingga 6.30 pagi, Jumaat 2 November 2001.

